

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah perhatian telah diberikan kepada kesengsaraan yang dihadapi oleh industri pelancongan dan sama ada strategi berkesan telah dilaksanakan untuk menyelamatkan industri ini yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya meneruskan jawapan, izinkan saya untuk menjawab soalan oleh YB Cheras pada hari ini bersekali dengan **12** soalan lain kerana menyentuh perkara yang sama, iaitu:
 - (i) Soalan nombor 47 oleh YB Jerlun;
 - (ii) Soalan nombor 59 oleh YB Lahad Datu; dan
 - (iii) Soalan nombor 69 oleh YB Balik Pulau bertarikh 20 September 2021;

 - (iv) Soalan nombor 1 oleh YB Jerantut; dan
 - (v) Soalan nombor 19 oleh YB Dungun bertarikh 23 September 2021;

 - (vi) Soalan nombor 9 oleh YB Libaran;
 - (vii) Soalan nombor 66 oleh YB Tangga Batu; dan
 - (viii) Soalan nombor 56 oleh YB Taiping bertarikh 29 September 2021;
 - (ix) Soalan nombor 1 oleh YB Parit;
 - (x) Soalan nombor 29 oleh YB Kinabatangan; dan
 - (xi) Soalan nombor 70 oleh YB Teluk Intan bertarikh 5 Oktober 2021; serta

SOALAN NO : 6

(xii) Soalan nombor 12 oleh YB Hulu Selangor bertarikh 11 Oktober 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan pandemik COVID-19 telah menjejaskan bukan sahaja ekonomi dan sektor pelancongan di Malaysia, malah di seluruh dunia.

3. Sektor pelancongan bukan hanya meliputi hotel dan penerbangan sahaja. Rantaianya juga adalah luas, termasuk sektor peruncitan, makanan dan minuman (*F&B*), acara perniagaan (BE) dan sebagainya. Sebagai industri yang berorientasikan mobiliti, pelancongan adalah salah satu sektor ekonomi yang paling teruk terkesan dan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih, terutamanya dengan pelaksanaan tiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia.

4. Anggaran kerugian daripada pendapatan pelancongan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM135 bilion. Jumlah ini dianggarkan terus meningkat pada tahun 2021, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan PKP yang masih diteruskan.

5. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan kepayahan penggiat industri pelancongan melalui pakej-pakej ransangan ekonomi yang telah diumumkan seperti PEMERKASA dan PEMULIH.

6. Antaranya ialah Geran Bantuan Khas Secara *One-Off* kepada penggiat-penggiat industri seperti syarikat pengendalian pelancongan berlesen dengan MOTAC, ejen MM2H, pemandu pelancong, pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia MOTAC serta pengusaha Spa dan Pusat Urutan Kaki yang berdaftar dengan MOTAC.

7. Antara contoh bantuan lain yang turut diberikan adalah seperti:

- (i) pelanjutan diskaun bil elektrik kepada penggiat industri
- (ii) pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan kepada pengusaha hotel sehingga 31 Disember 2021; dan
- (iii) Skim Subsidi Upah.

8. Selain itu, MOTAC sendiri turut telah melaksanakan inisiatif-inisiatif bukan kewangan untuk membantu syarikat pengendali pelancongan. Antaranya dengan memberi beberapa kelonggaran kepada syarikat pengendali pelancongan bagi membantu penggiat industri pelancongan seperti

SOALAN NO : 6

Kelonggaran Berkaitan Kompaun, Pengecualian Fi Kepada Pengusaha Pelancongan dan Kelonggaran Syarat Lesen Kepada Pengusaha Pelancongan. Semua bantuan ini telah memberi manfaat kepada lima ribu tiga ratus empat puluh syarikat pengendali pelancongan yang berlesen di bawah MOTAC.

9. Sebagai langkah untuk kembali bangkit, MOTAC melalui beberapa siri konsultasi bersama penggiat industri pelancongan telah membangunkan Pelan Pemulihan Pelancongan atau PPP dalam mencari keseimbangan antara kepentingan ekonomi dan kesihatan awam.

10. PPP merupakan salah satu usaha berterusan MOTAC dalam mengembalikan keyakinan pelancong terhadap tahap keselamatan di sesuatu destinasi pelancongan, selain berusaha untuk memastikan sektor pelancongan negara mampu menjana semula pendapatan secara berterusan selepas pembukaan sektor ini secara berperingkat kelak.

11. Antara fokus PPP termasuklah:

- (i) merencanakan semula pelancongan domestik;
- (ii) membantu mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada rakyat tempatan termasuk petugas-petugas barisan hadapan sektor pelancongan, seni dan budaya di seluruh negara dalam usaha mencapai imuniti kelompok di destinasi-destinasi pelancongan popular negara;
- (iii) mempergiatkan Kempen Promosi *Rindu Melancong? Jom Vaksin Dulu!* dalam menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mendaftar di bawah Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan;
- (iv) mengembalikan keyakinan awam untuk melancong dengan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang selamat, bersih dan sihat. Ini turut dilaksanakan melalui usaha sama MOTAC dengan penggiat industri seperti Program Pensijilan *Clean & Safe Malaysia*, Program Pensijilan *Travel Safe* dan *MySafe BE Planner*;
- (v) memberi keutamaan kepada digitalisasi proses perniagaan menerusi aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar;

SOALAN NO : 6

- (vi) meningkatkan kemahiran dan kapasiti penggiat industri menerusi program pemahiran semula atau *reskilling and upskilling* yang berterusan;
- (vii) melonggarkan atau mempermudah peraturan dalam membantu penggiat industri yang terjejas; dan
- (viii) meneroka potensi membuka semula aktiviti pelancongan antarabangsa yang memfokuskan pada segmen produk pelancongan yang berpaksikan alam semula jadi, kawasan luar bandar dan budaya.

12. Sebagai permulaan, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai destinasi rintis gelembung pelancongan bermula 16 September 2021. Sekiranya berjaya, In Sya Allah kita doakan ia akan berjaya, lebih banyak gelembung pelancongan yang berpotensi akan diteruskan ke destinasi-destinasi peranginan lain seluruh negara seperti Pulau Redang, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan destinasi-destinasi pelancongan tanah tinggi seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula ketetapan untuk membuka semula sesi persekolahan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 1 September 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu plan komprehensif pembukaan semula sekolah bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat.

Dalam merangka plan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan input, pandangan serta cadangan berhubung pembukaan semula sesi persekolahan. Sesi libat urus ini

SOALAN NO: 9

melibatkan kumpulan pentadbir sekolah, guru dan juga wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negeri Perlis, Negeri Sembilan, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. KPM juga telah mengadakan sesi libat urus melibatkan kumpulan pakar dari sektor kesihatan awam, pendidikan, psikologi kanak-kanak dan pediatrik. Sesi tersebut juga melibatkan wakil Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Selain itu, KPM turut mendapatkan pandangan daripada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021, termasuk calon dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

KPM juga telah membuat analisis amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan dalam memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat.

Berdasarkan input daripada sesi libat urus dan dapatan analisis, KPM telah membuat penambahbaikan kepada kerangka asal pelan komprehensif pembukaan semula sekolah. Kerangka ini kemudiannya diperincikan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Mengambil kira situasi semasa, termasuk kadar vaksinasi dalam kalangan guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja perkhidmatan sokongan serta pandangan KKM dan MKN, KPM telah mengumumkan bahawa sekolah akan dibuka untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B. Pembukaan sekolah dibuat

SOALAN NO: 9

secara berperingkat mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Bagi negeri di Fasa 1 PPN, tiada sekolah yang akan dibuka untuk PdP secara bersemuka. Bagi negeri di Fasa 2 PPN pula, kehadiran murid sekolah rendah secara bersemuka hanya melibatkan MBK di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Untuk sekolah menengah di fasa ini, MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) hadir secara bersemuka. Selain itu, murid Tingkatan 6 Semester 2, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) Tahun 2, kelas peperiksaan antarabangsa (IGCSE O-Level, A-Level, Australia Higher School Certificate dan IBD) dan Program Prauniversiti Semester 3 di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) turut hadir bersemuka. Murid lain akan melaksanakan PdPR.

Bagi negeri di Fasa 3 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah semua kumpulan murid di Fasa 2. Selain itu, prasekolah juga akan mula beroperasi. Bagi peringkat sekolah menengah, semua murid kelas peperiksaan awam, kelas peperiksaan antarabangsa dan Program Prauniversiti di SSM juga akan mula hadir ke sekolah. Murid lain akan melaksanakan PdPR.

Bagi negeri di Fasa 4 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah semua kumpulan murid di Fasa 3. Untuk sekolah rendah, selepas 2 minggu, murid Tahun 1, 2 dan 3 akan hadir ke sekolah. Selepas 2 minggu berikutnya, murid Tahun 4, 5 dan 6 pula akan mula hadir ke sekolah. Untuk sekolah menengah, selepas 2 minggu, murid

SOALAN NO: 9

Tingkatan 3 dan 4 akan hadir ke sekolah. Selepas 2 minggu berikutnya, murid peralihan, Tingkatan 1 dan 2 pula akan mula hadir ke sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengambil ketetapan untuk mengehadkan kapasiti murid di sekolah pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Bagi tujuan tersebut, kaedah yang digunakan adalah dengan mengehadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut. Justeru, sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu akan dilaksanakan. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. MBK di SKPK/SMKPK/SMPKV dan PPKI;
- ii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan IBD Tahun 2;
- iii. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- iv. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- v. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vi. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru.

Kerangka pelan pembukaan sekolah ini adalah satu perancangan komprehensif KPM bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.